

PAS Tampil 60 Peratus Muka Baru Bertanding PRU-13 - Ketua Penerangan Bernama
12 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- PAS akan menampilkan sekurang-kurangnya 60 peratus muka baru sebagai calon parti untuk bertanding dalam pilihan raya umum ke-13 akan datang.

Ketua Penerangan PAS Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata 60 peratus muka baru itu kesemuanya terdiri daripada Pemuda dan Muslimat parti.

"Muka-muka baru ini adalah 40 peratus dari kalangan Pemuda dan 20 peratus Muslimat. Bagaimanapun, keputusan muktamad siapa calon-calonnya untuk bertanding masih belum dapat disahkan.

"Senarai kesemua calon parti sudahpun diteliti oleh Majlis Syura dan sekarang ia berada di peringkat parti untuk kita teliti siapa yang akan dicalonkan bertanding dalam pilihan raya umum akan datang," katanya ketika dihubungi Bernama di sini.

Beliau berkata PAS hanya akan mengumumkan senarai calon parti selepas Parlimen dibubarkan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680162>